



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT
JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA

KESIAPSIAGAAN JKM MENGHADAPI MONSUN TIMUR LAUT (MTL)

PUTRAJAYA, 4 NOVEMBER 2025 — Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sentiasa berada dalam keadaan siapsiaga penuh bagi menghadapi kemungkinan bencana yang dijangka berlaku sepanjang musim Monsun Timur Laut (MTL) 2025/2026 yang lazimnya membawa hujan lebat dan risiko banjir di beberapa negeri.

Sebagai Jabatan yang bertanggungjawab dalam penyelarasan Pengurusan Pusat Pemindahan Sementara (PPS) serta kebajikan mangsa bencana, JKM telah melaksanakan pelbagai langkah persediaan meliputi:

- **Penyediaan logistik dan bekalan keperluan asas** seperti makanan, pakaian, tikar, selimut dan kelengkapan bayi di semua depoh dan stor bencana negeri;
- **Penyenaraian serta pemantauan PPS** di seluruh negara agar berada dalam keadaan siap digunakan;
- **Latihan kesiapsiagaan dan simulasi pengurusan bencana** bersama agensi-agensi penyelamat dan pihak berkuasa tempatan; dan
- **Penyelarasan sukarelawan kebajikan (SUKARELA dan Skwad Prihatin)** untuk digerakkan ke lokasi terjejas bagi membantu mangsa.

JKM telah memperkenalkan inisiatif aplikasi **Info Bencana JKM (MyIBJKM)** iaitu platform digital rasmi yang dibangunkan bagi memudahkan orang ramai mengakses pelbagai maklumat secara dalam talian. Menerusi aplikasi ini, mangsa bencana boleh mendaftar secara sendiri sebelum, semasa dan selepas bencana serta mengemaskini maklumat peribadi dan ahli keluarga, mencari lokasi Pusat Pemindahan Sementara (PPS) berhampiran dan mendaftar masuk/keluar dari PPS.

Dalam masa yang sama, orang awam diingatkan untuk sentiasa berwaspada terhadap amaran cuaca, serta mematuhi arahan pihak berkuasa dari semasa ke semasa.

JKM komited untuk memastikan kebajikan mangsa bencana diberi keutamaan dan bantuan sampai tepat pada waktunya, selaras dengan matlamat jabatan untuk “Melindungi yang Rentan, Memperkasa yang Lemah.”

--TAMAT--

Dikeluarkan oleh: Unit Perhubungan Awam, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)
Tarikh : 4 November 2025